



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI KE ATAS
KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN
TUKARAN ASING**

KETETAPAN UMUM NO. 12/2019

TARIKH TERBIT: 13 DISEMBER 2019



**LAYANAN CUKAI KE ATAS
KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN
TUKARAN ASING**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 12/2019
Tarikh Penerbitan: 13 Disember 2019**

Diterbitkan oleh

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi Pertama

© 2019 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka Surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Urus Niaga Rentas Sempadan dan Keuntungan dan Kerugian Tukaran Asing	1
5. Pencukaian dan Potongan bagi Keuntungan dan Kerugian Pertukaran Mata Wang Asing	4
6. Penafian	15

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai bagi perniagaan di Malaysia berkenaan dengan keuntungan dan kerugian tukaran asing, yang timbul daripada urus niaga rentas sempadan dalam mata wang asing.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) berkaitan dengan KU ini adalah perenggan 4(a) dan 4(c), seksyen 4B, subseksyen 24(5) dan 33(1), seksyen 39, perenggan 2 dan 3 dan Jadual 3 ACP.

3. Tafsiran

- 3.1 "Individu" bermaksud orang biasa.
- 3.2 "Kadar pertukaran" bermaksud nisbah pertukaran bagi dua mata wang.
- 3.3 "Orang" termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.4 "Perbezaan tukaran asing" bermaksud keuntungan atau kerugian pertukaran asing yang kolektif.
- 3.5 "Mata Wang" bermaksud sebarang bentuk wang yang dikeluarkan oleh kerajaan atau bank pusat dan digunakan sebagai tender sah dan asas perniagaan.
- 3.6 "Mata wang asing" bermaksud mata wang selain daripada mata wang fungsi entiti.
- 3.7 "Mata wang fungsian" bermaksud mata wang persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi.
- 3.8 "Mata wang pembentangan" merupakan mata wang dalam mana penyata kewangan dibentangkan.

4. Urus niaga Rentas Sempadan dan Keuntungan serta Kerugian Tukaran Asing

Dalam urus niaga perniagaan merentasi sempadan yang melibatkan dua (2) mata wang yang berbeza (iaitu mata wang fungsian perniagaan dan mata wang asing),

isu keuntungan atau kerugian tukaran asing akan timbul kerana nilai mata wang adalah berbeza antara satu sama lain dari semasa ke semasa.

4.1 Urus niaga rentas sempadan

Dalam urusan biasa perniagaan, urus niaga rentas sempadan mungkin timbul apabila seseorang:

- (a) mengimport pembelian atau mengeksport jualan barangan atau perkhidmatan berkaitan perniagaan yang mana harga barangan atau perkhidmatan tersebut adalah dalam mata wang asing;
- (b) mempunyai operasi perniagaan di negara asing (seperti subsidiari, cawangan, sekutu atau usaha sama) yang mana ia memperoleh atau melupuskan aset, atau melakukan atau menjelaskan liabiliti, dalam mata wang asing; atau
- (c) membuat pinjaman atau meminjamkan wang di mana amaun yang perlu dibayar atau boleh diterima adalah di dalam mata wang asing.

4.2 Mata wang fungsian perniagaan di Malaysia

Mata wang tempatan adalah mata wang negara di mana terletaknya sesebuah entiti perniagaan. Sebaliknya, mata wang fungsian adalah mata wang persekitaran ekonomi utama di mana sesebuah entiti beroperasi (iaitu terutamanya menjana dan membelanjakan wang tunai).

Terdapat beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan oleh sesebuah entiti perniagaan dalam menentukan mata wang fungsian seperti pengaruh mata wang ke atas harga jualan untuk barangan dan perkhidmatan serta pengaruhnya terhadap buruh, bahan dan kos lain bagi menyediakan barangan dan perkhidmatan.

Lain-lain faktor tambahan yang perlu diambil kira adalah seperti mata wang dana yang dijana daripada aktiviti pembiayaan dan mata wang terimaan yang disimpan hasil daripada daripada kendalian aktiviti. Semua faktor yang perlu dipertimbangkan telah digariskan dalam MFRS 121- "The Effects of Changes in Foreign Exchange Rates".

Kebiasaannya, mata wang tempatan adalah mata wang fungsian sesebuah entiti. Secara umumnya, mata wang fungsian kebanyakan perniagaan di Malaysia adalah ringgit Malaysia (RM). Masih berkemungkinan terdapat entiti yang beroperasi di Malaysia yang mana mata wang fungsian adalah selain daripada RM [contohnya, Dolar Amerika Syarikat (USD)] sebagaimana yang ditentukan di bawah MFRS 121. Urus niaga yang melibatkan mata wang selain

daripada mata wang fungsian sesebuah entiti perniagaan adalah merupakan urus niaga mata wang asing. Jika mata wang fungsian sesebuah entiti adalah selain daripada RM (contohnya USD), maka urus niaga yang melibatkan RM adalah urus niaga mata wang asing.

4.3 Pertukaran mata wang asing kepada mata wang fungsian perniagaan

Memandangkan urus niaga merentas sempadan melibatkan mata wang asing yang mana kadar pertukaran mata wang asing berubah-ubah, nilai mata wang asing apabila ditukar kepada mata wang fungsian sesebuah entiti perniagaan akan berbeza-beza bergantung kepada kadar pertukaran semasa. Pertukaran mata wang asing kepada mata wang fungsian perniagaan biasanya akan berlaku apabila invoice direkodkan, pembayaran dibuat atau pada akhir tempoh pelaporan.

4.4 Keuntungan dan kerugian tukaran asing

Keuntungan atau kerugian pertukaran wang asing diiktiraf apabila pembayaran amaun sesuatu urus niaga dijelaskan. Keuntungan atau kerugian pertukaran berlaku apabila nilai aset atau liabiliti yang dinilai dalam mata wang asing dibandingkan dengan nilai dalam RM pada dua tarikh yang berlainan (contohnya pada tarikh urus niaga dan tarikh pembayaran dijelaskan). Keuntungan dan kerugian pertukaran asing dikira seperti berikut:

Contoh 1

ABC Sdn Bhd, sebuah syarikat di Kuala Lumpur menyediakan akaun dalam RM dan tempoh perakaunan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Pada 15.3.2019, syarikat telah diinvoice sebanyak USD10,000 untuk pembelian stok dagangan daripada pembekal di Amerika Syarikat (AS). Jumlah invoice belian dalam RM adalah bersamaan RM42,000 dengan mengandaikan bahawa kadar pertukaran pada 15.3.2019 adalah RM4.20 = USD1. Tarikh pembayaran kena dibuat untuk pembelian adalah pada 15.6.2019. Syarikat membuat pembayaran pada tarikh pembayaran kena dibuat dan dengan mengandaikan kadar pertukaran pada tarikh tersebut adalah RM4.00 = USD1, USD10,000 dalam RM adalah bersamaan RM40,000.

Hutang dagangan yang sama berjumlah USD10,000 perlu dinilai oleh syarikat pada dua tarikh yang berbeza iaitu pada tarikh invoice dan pada tarikh bayaran urus niaga dijelaskan. Pada tarikh bayaran urus niaga berjumlah USD10,000 dijelaskan, kadar pertukaran telah berubah dan menguntungkan syarikat serta menyebabkan syarikat kena bayar kurang RM2,000 (RM42,000 kurang RM40,000) untuk USD10,000. Oleh itu, ABC Sdn Bhd telah memperolehi keuntungan pertukaran asing sebanyak RM2,000 berkaitan dengan belian stok dagangan yang merupakan urus niaga asas.

Nota

1. Bagi pembayaran yang dijelaskan dalam tempoh perakaunan kewangan yang berikutan, sila rujuk contoh yang diberikan dalam “Guidelines on Tax Treatment Related to the Implementation of MFRS 121” bertarikh 16.5.2019.
2. Apabila sesebuah entiti menterjemahkan penyata kewangannya daripada mata wang fungsian kepada mata wang pembentangan, sebarang perbezaan pertukaran asing yang timbul akibat daripada terjemahan tersebut tidak dikenakan cukai atau tidak dibenarkan sebagai potongan untuk tujuan cukai.

Contoh 2

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 1 kecuali kadar pertukaran pada 15.6.2019 adalah RM4.40 = USD1 dan USD10,000 dalam RM adalah bersamaan dengan RM44, 000.

Kadar pertukaran telah berubah dan merugikan syarikat serta menyebabkan syarikat terpaksa membayar tambahan sebanyak RM2,000 (RM44,000 tolak RM42,000) untuk USD10,000. Oleh itu, ABC Sdn Bhd mengalami kerugian pertukaran asing sebanyak RM2,000.

Contoh 3

Kadar pertukaran mungkin berbeza sepanjang tempoh antara 15.3.2019 dan 15.6.2019 tetapi jika sekali lagi kadar pertukaran pada 15.6.2019 adalah RM4.20 = USD1, USD10,000 dalam RM adalah bersamaan RM42,000. Oleh itu, tiada keuntungan atau kerugian pertukaran asing bagi ABC Sdn Bhd.

5. **Pencukaaian dan Potongan bagi Keuntungan dan Kerugian Pertukaran Mata Wang Asing**


Untuk menentukan sama ada sesebuah entiti perniagaan adalah tertakluk kepada cukai ke atas keuntungan atau kerugian pertukaran mata wang asing, sifat keuntungan atau kerugian perlu dipastikan. Dalam erti kata lain, adalah perlu untuk menentukan bagaimana pertukaran asing keuntungan / kerugian timbul. Bagi tujuan cukai pendapatan, hanya keuntungan / kerugian pertukaran asing daripada urusan niaga hasil terealisasi dikenakan cukai / boleh dibenarkan sebagai potongan. Keuntungan atau kerugian pertukaran mata wang asing yang bersifat modal, sama ada terealisasi atau tidak, tidak dikenakan cukai / dibenarkan potongan.

5.1 Sifat asas urus niaga rentas sempadan

Fakta dan keadaan bagi sifat asas setiap urus niaga merentas sempadan yang mana keuntungan atau kerugian pertukaran asing adalah berkaitan, perlu dikaji untuk menentukan sama ada keuntungan atau kerugian tersebut timbul daripada:

- (a) suatu urus niaga perdagangan atau bukan perdagangan;
- (b) suatu urus niaga hasil atau modal; dan
- (c) suatu urus niaga terealisasi atau belum terealisasi.

Layanan cukai ke atas keuntungan dan kerugian pertukaran asing boleh diringkaskan dalam gambar rajah berikut:



¹Nota

Terealisasi bermaksud pembayaran penyelesaian apabila amaun yang bersamaan RM ditentukan. Jika amaun yang dijelaskan dalam mata wang asing melalui akaun mata wang asing, mata wang berkenaan tidak perlu ditukar secara fizikal sebelum amaun tersebut dianggap sebagai terealisasi.

5.2 Keuntungan / Kerugian Perniagaan

Jika sesuatu urus niaga didapati merupakan urus niaga perniagaan dan bersifat hasil, keuntungan pertukaran asing berkaitan asas urus niaga ini adalah termasuk sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar daripada perniagaan dalam tempoh asas urus niaga terealisasi. Sebaliknya, kerugian pertukaran asing berkaitan dengan urus niaga yang bersifat hasil adalah dibenarkan sebagai potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP dalam tempoh asas di mana urus niaga tersebut terealisasi. Bagi keuntungan / kerugian

pertukaran asing daripada urusan niaga bersifat hasil yang tidak terealisasi, keuntungan / kerugian tersebut tidak boleh dikenakan cukai / diberikan potongan. Jika sesuatu urusan niaga perniagaan bersifat modal, keuntungan / kerugian tukaran asing disebabkan oleh urusan niaga tersebut tidak boleh dikenakan cukai / diberikan potongan.

5.3 Keuntungan / Kerugian Bukan Perniagaan

- (a) Keuntungan / kerugian tukaran asing yang timbul daripada urusan niaga bukan perniagaan tidak boleh dikenakan cukai atau diberikan potongan tidak kira sama ada ia terealisasi atau tidak terealisasi.
- (b) Seksyen 4B ACP memperuntukkan bahawa pendapatan faedah tidak boleh dikenakan cukai sebagai suatu perolehan atau keuntungan daripada perniagaan di bawah perenggan 4(a) ACP kecuali sekiranya pendapatan faedah tersebut tergolong di bawah subseksyen 24(5) ACP. Pendapatan faedah yang diterima oleh seseorang daripada menjalankan sesuatu perniagaan selain daripada pendapatan faedah yang tergolong di bawah subseksyen 24(5) ACP, dikenakan cukai sebagai pendapatan faedah di bawah perenggan 4(c) ACP.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada KU No. 3/2016 bertajuk Layan Cukai Ke Atas Pendapatan Faedah Yang Diterima oleh Orang Yang Menjalankan Perniagaan, yang boleh dimuat turun daripada Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my.

5.4 Hasil atau Modal

Sama ada suatu keuntungan / kerugian tukaran asing adalah bersifat hasil atau modal adalah satu persoalan fakta dan asas urusan niaga perlu dikaji. Semua fakta dan keadaan, termasuk layanan perakaunan dan aplikasi prinsip-prinsip cukai yang telah ditetapkan seperti sifat perdagangan (*badges of trade*) adalah perlu untuk memutuskan sama ada sesuatu urusan niaga adalah bersifat modal atau hasil.

- (a) Urusan niaga hasil
 - (i) Urusan niaga bersifat hasil adalah urusan niaga yang berkaitan dengan operasi biasa menjana pendapatan atau secara langsung atau terikat secukupnya dengan operasi perniagaan. Secara umumnya, keuntungan / kerugian tukaran asing yang timbul semasa menjalankan operasi perniagaan dianggap sebagai bersifat hasil seperti pembelian stok dagangan.

- (ii) Dalam kes di mana sesuatu keuntungan atau kerugian timbul dalam proses pertukaran mata wang asing, yang merupakan sebahagian daripada aset perdagangan sesuatu perniagaan, adalah perlu untuk menentukan sama ada keuntungan / kerugian telah berlaku semasa menjalankan perniagaan atau bersampingan dengannya. Keuntungan / kerugian disebabkan oleh kenaikan atau susutnilai mata wang asing yang digunakan atau bertujuan untuk digunakan dalam perjalanan biasa operasi perniagaan akan dianggap sebagai keuntungan / kerugian perdagangan.
- (iii) Perbezaan tukaran asing yang timbul daripada penerimaan hasil, pembayaran perbelanjaan, penyelesaian hutang perniagaan yang disebabkan oleh pemiutang dagangan atau disebabkan oleh penghutang dagangan adalah bersifat hasil.

Contoh 4

Fakta adalah seperti Contoh 1 dan 2.

Pembelian stok dagangan oleh ABC Sdn Bhd adalah sepenuhnya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar perniagaan dan oleh itu dianggap sebagai bersifat hasil. Sehubungan itu, sebarang keuntungan / kerugian pertukaran asing yang disebabkan oleh pembelian tersebut, apabila terealisasi harus termasuk sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar daripada perniagaan atau dibenarkan sebagai perbelanjaan.

Keuntungan tukaran asing sebanyak RM2,000 dalam Contoh 1 adalah termasuk sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar perniagaan ABC Sdn Bhd dalam tahun taksiran 2019. Manakala kerugian tukaran asing sebanyak RM2, 000 dalam Contoh 2 akan dibenarkan potongan dalam tahun taksiran 2019.

- (b) Modal pusingan
 - (i) Modal pusingan adalah modal yang dipusing ganti, dan dalam proses pusing ganti tersebut menghasilkan keuntungan atau kerugian. Sebaliknya, modal tetap adalah apa yang pemilik tukarkan menjadi keuntungan dengan menyimpannya sebagai milikannya.
 - (ii) Apabila item tukaran asing adalah berkaitan dengan modal pusing ganti dalam perjalanan biasa operasi perniagaan, maka penerimaan / perbelanjaan akan dianggap sebagai bersifat perdagangan, iaitu keuntungan / kerugian daripada operasi komersial.

- (iii) Sesetengah perniagaan mungkin menyimpan mata wang asing dalam tangan untuk membiayai operasi harian biasa, atau untuk memastikan ketersediaan dana yang diperlukan untuk membeli aset modal. Jika suatu perniagaan menyimpan mata wang asing dalam tangan, maka keuntungan / kerugian pertukaran asing yang berkaitan perlu dikaji untuk menentukan sama ada mata wang asing itu akan digunakan dalam masa yang singkat untuk membiayai operasi harian atau ia dipegang untuk membeli aset modal. Keuntungan / kerugian pertukaran asing yang timbul daripada sesuatu asas urus niaga yang berkaitan yang bersifat hasil atau modal masing-masing adalah dikenakan cukai dan selanjutnya tidak dibenarkan potongan atau tidak dikenakan cukai dan selanjutnya tidak dibenarkan potongan.

Contoh 5

KKK Sdn Bhd menjalankan perniagaan yang mengkhusus dalam menghasilkan pakaian sutera. Syarikat kerap membeli sejumlah sutera Korea daripada pembekal di Korea Selatan. Syarikat biasanya mengumpul sejumlah besar Won Korea Selatan untuk membiayai pembelian bahan sutera tersebut. Syarikat tidak terlibat dalam spekulasi mata wang asing. Oleh kerana keadaan yang tidak diduga, syarikat telah menghentikan semua pembelian daripada pembekal dan menjual Won Korea Selatan kepada pengurup wang berlesen. Pertukaran daripada Won Korea Selatan kepada RM menyebabkan kerugian pertukaran asing.

Won Korea Selatan adalah sebahagian daripada modal pusingan syarikat yang digunakan dalam perjalanan biasa perniagaan iaitu bagi pembayaran stok dagangan. Oleh itu, kerugian pertukaran mata wang asing selepas pertukaran mata wang asing kepada RM adalah kerugian perniagaan dan bersifat hasil. Won Korea Selatan tidak dikumpul sebagai pelaburan sementara dalam mata wang asing. Oleh itu, kerugian pertukaran mata wang asing semasa pertukaran tidak dianggap sebagai susutnilai modal bagi pelaburan sementara.

(c) Urus niaga modal

Urus niaga modal adalah urus niaga yang melibatkan aset kekal seperti modal tetap, pelaburan dan spekulasi di luar aktiviti perolehan pendapatan biasa seseorang. Jika perbelanjaan adalah satu pembayaran sekaligus dalam mewujudkan aset atau keuntungan untuk faedah berkekalan bagi perniagaan, perbelanjaan tersebut adalah cenderung kepada bersifat modal. Jika tujuan perbelanjaan adalah untuk

menubuhkan, menggantikan atau membesarkan struktur modal perniagaan, perbelanjaan adalah cenderung untuk dianggap sebagai bersifat modal.

Contoh 6

MM Sdn Bhd, pengimport batu mamar Itali telah mendepositkan lira Itali ke dalam akaun di Bank Itali sebelum membuat pembayaran pendahuluan kepada pengeksport Itali. Sebelum pembayaran pendahuluan dibuat, nilai RM meningkat berbanding lira Itali dan keuntungan tukaran asing terealisasi oleh MM Sdn Bhd dengan melupuskan lira Itali ke Bank Itali.

Keuntungan pertukaran tidak dikenakan cukai kerana ia adalah semata-mata bersifat spekulatif dan ia merupakan peningkatan pelaburan sementara.

(d) Aset modal dan elaun modal

Jika keuntungan atau kerugian pertukaran yang wujud adalah berkaitan dengan pembelian loji dan jentera, pelarasan cukai hanya perlu dilakukan apabila elaun modal dituntut. Perbelanjaan sebenar dalam RM oleh seseorang diambil untuk menjadi kos loji dan jentera untuk tujuan cukai pendapatan.

Maklumat lanjut mengenai pengiraan elaun modal berhubung dengan perbezaan pertukaran asing bagi aset modal juga boleh didapati di KU No. 6/2015 bertajuk Perbelanjaan Yang Layak dan Pengiraan Elaun Modal yang boleh dimuat turun dari Portal Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my.

Contoh 7

GG Sdn Bhd telah membuat satu tempahan untuk membeli sebuah mesin cerucuk yang bernilai 66 juta Yen (RM2 juta) dari negara Jepun pada 1.8.2017. Mesin telah dihantar kepada syarikat pada 1.3.2018 dan bayaran sepenuhnya telah dibuat pada 1.6.2018. Bayaran pengangkutan dari Jepun ke Malaysia adalah RM80, 000. Dalam tempoh tersebut iaitu dari 1.8.2017 ke 1.6.2018, RM meningkat sebanyak 5% berbanding Yen Jepun dan GG Sdn Bhd telah memperolehi keuntungan tukaran asing sebanyak RM100,000.

Perbelanjaan loji yang layak syarikat bagi mesin cerucuk dikira seperti berikut:

	RM
Kos Dikontrakkan	2,000,000
Tambah: Caj pengangkutan (dimodalkan)	80,000
	<u>2,080,000</u>
Tolak: Keuntungan tukaran asing	(100,000)
Perbelanjaan modal layak (bagi tujuan elaun modal)	<u>1,980,000</u>

Contoh 8

Fakta sama seperti Contoh 7 kecuali GG Sdn Bhd mengalami kerugian tukaran asing sebanyak RM100,000 semasa pembayaran penuh pada 1.6.2018.

Perbelanjaan loji yang layak syarikat bagi mesin cerucuk dikira seperti berikut:

	RM
Kos Dikontrakkan	2,000,000
Tambah: Caj pengangkutan (dimodalkan)	80,000
	<u>2,080,000</u>
Tambah: Kerugian tukaran asing	100,000
Belanja modal layak (bagi tujuan elaun modal)	<u>2,180,000</u>

(e) Keuntungan / Kerugian tukaran asing yang terealisasi

Apabila seseorang telah menjelaskan suatu bayaran sebagaimana invoice sebelum penutupan tempoh perakaunan, keuntungan / kerugian yang terealisasi akan timbul.

Contoh 9

Fakta sama seperti dalam Contoh 1.

Keuntungan tukaran mata wang asing sebanyak RM2,000 telah terealisasi pada 15.6.2019 apabila pembayaran pembelian sepertimana dalam invoice dibuat.

(f) Keuntungan / kerugian pertukaran asing yang tidak terealisasi

Apabila seseorang mengeluarkan invois jualan bagi urus niaga merentas sempadan dalam mata wang asing, dan pembeli di luar negara gagal untuk menjelaskan bayaran mengikut invois pada akhir tempoh perakaunan, keuntungan / kerugian tidak terealisasi akan wujud. Jumlah ini ditentukan apabila perniagaan mempunyai keuntungan atau kerugian yang mungkin diperolehi sekiranya pembeli membuat bayaran sepertimana dalam invois pada akhir tempoh perakaunan tersebut.

5.5 Pinjaman dan kos pinjaman

(a) Tujuan pinjaman

Tujuan sesebuah entiti perniagaan mengambil pinjaman dan faktor-faktor lain seperti tempoh dan terma pinjaman, dan jenis perniagaan adalah penting dalam menentukan sama ada urus niaga adalah bersifat hasil atau modal. Sama ada keuntungan / kerugian tukaran asing yang terealisasi semasa pembayaran balik pinjaman adalah bersifat hasil atau modal akan bergantung kepada asas urus niaga yang berkaitan dengan keuntungan / kerugian tersebut.

(b) Pinjaman bersifat hasil atau modal

- (i) Jika pinjaman mata wang asing digunakan dalam perjalanan biasa operasi perniagaan sesebuah entiti (iaitu untuk perbelanjaan harian biasa bagi sesebuah perniagaan seperti membeli stok dagangan), sebarang keuntungan tukaran asing atau kerugian atas pembayaran balik pinjaman akan dianggap sebagai bersifat hasil.
- (ii) Begitu juga, jika pinjaman mata wang asing diambil oleh sebuah syarikat kewangan dalam perjalanan biasa perniagaan untuk menyediakan dana pinjaman kepada pelanggan, apa-apa keuntungan atau kerugian pertukaran asing atas pembayaran balik pinjaman akan dianggap bersifat hasil.
- (iii) Jika pinjaman mata wang asing digunakan untuk membeli aset modal, sebarang keuntungan atau kerugian tukaran asing atas pembayaran balik pinjaman akan dianggap sebagai bersifat modal.
- (iv) Di mana pinjaman mata wang asing diambil untuk memulihkan modal terkurang sesebuah entiti, keuntungan atau kerugian tukaran asing atas pembayaran balik pinjaman tidak dianggap sebagai modal secara automatik. Dalam kebanyakan kes, sifat keuntungan atau kerugian asing ditentukan oleh kegunaan wang yang dipinjam.

Walau bagaimanapun, wang yang dipinjam mungkin merupakan sebahagian daripada dana entiti sendiri. Dalam kes sedemikian, wang yang dipinjam secara amnya akan dianggap sebagai sebahagian daripada modal kerja tetap perniagaan dan akan dianggap bersifat modal. Sebarang keuntungan atau kerugian tukaran asing akan dianggap sebagai bersifat modal, tanpa mengira bagaimana wang pinjaman tersebut digunakan pada akhirnya. Oleh itu, dalam menentukan sama ada wang yang dipinjam sebenarnya merupakan sebahagian daripada dana entiti sendiri (modal kerja tetap) adalah bergantung kepada fakta tertentu keadaan.

Bagi maksud KU ini:

- Modal kerja tetap bermaksud tahap minimum kesemua aset semasa yang hendaklah dikekalkan pada setiap masa oleh sesebuah entiti untuk memastikan tahap minimum operasi perniagaan tidak terganggu. Jumlah tersebut berubah dari tahun ke tahun bergantung kepada pembesaran syarikat.
 - Modal kerja bermaksud modal / dana yang diperlukan untuk operasi harian perniagaan. Modal kerja, yang melebihi modal kerja tetap adalah lebihan aset semasa ke atas liabiliti semasa.
- (c) Keuntungan / kerugian tukaran asing yang berkaitan dengan kos pinjaman

Sama ada keuntungan / kerugian tukaran asing yang berkaitan dengan asas kos pinjaman dikenakan cukai / dibenarkan potongan bergantung kepada sifat asas urus niaga yang berkaitan dengan pinjaman.

Untuk maklumat lanjut mengenai layanan cukai ke atas kos pinjaman, sila rujuk kepada:

- (i) *"Guidelines for Income Tax Treatment of Malaysia Financial Reporting Standards (MFRS) 123; Borrowing Cost"* bertarikh 4.6.2013;
- (ii) KU No. 2/2011 yang bertajuk *Perbelanjaan Faedah dan Sekatan Faedah*; dan
- (iii) *"Restriction on Deductibility of Interest Guidelines"* bertarikh 5.7.2019

yang boleh dimuat turun dari Portal Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my.

Contoh 10

DD Bhd meminjam 1 billion Yen Jepun daripada sebuah bank Jepun untuk membeli sebuah bangunan kilang di Malaysia. Pembayaran balik telah dijadualkan selama 10 tahun seperti yang dinyatakan di dalam perjanjian pinjaman. Oleh kerana peningkatan nilai Yen Jepun berbanding RM, pembinaan DD mengalami kerugian tukaran asing setiap tahun bagi pembayaran balik pinjaman.

Pinjaman matawang asing digunakan untuk membeli aset modal. Kerugian pertukaran asing yang timbul daripada pembayaran balik pinjaman yang digunakan untuk membeli aset modal adalah bersifat modal.

Contoh 11

YY Production Malaysia (YPM) memperoleh pendahuluan daripada syarikat induknya di Amerika Syarikat dengan mengendalikan akaun antara syarikat. Kemudahan ini digunakan untuk membiayai aktiviti eksplorasi dan pembangunan minyak YPM sebelum pengeluaran bermula. Jika tiada pengeluaran, tiada bayaran akan dibayar. Pendahuluan telah dibayar balik daripada aliran tunai YPM yang sedia ada apabila pengeluaran bermula. Pembayaran balik ini telah menyebabkan keuntungan tukaran asing.

Pendahuluan dianggap sebagai pinjaman jangka panjang daripada syarikat induk untuk digunakan sebagai modal kerja sebelum bermulanya pengeluaran minyak. Keuntungan tukaran asing yang timbul daripada pembayaran balik pinjaman adalah bersifat modal dan tidak dikenakan cukai.

Nota

Jika pengeluaran minyak telah dimulakan dan syarikat mendapat pendahuluan tambahan daripada syarikat induknya, fakta dan keadaan yang berkaitan dengan penggunaan pendahuluan perlu diperiksa dan diteliti. Ini adalah untuk menentukan sama ada keuntungan atau kerugian tukaran asing yang timbul daripada pembayaran pendahuluan adalah bersifat hasil atau modal.

5.6 Penurunan nilai mata wang

- (i) Dalam menentukan sama ada kerugian tukaran asing akibat daripada penurunan nilai mata wang asing adalah kerugian hasil atau modal, adalah perlu untuk menentukan sama ada asas urus niaga yang

berkaitan dengan kerugian pertukaran adalah bersifat hasil atau modal.

- (ii) Secara umumnya, kerugian tukaran yang dialami oleh seseorang pada penurunan nilai mata wang adalah bersifat modal kecuali jika perniagaan orang berkenaan adalah secara langsungnya berkaitan dengan urus niaga mata wang.
- (iii) Bagi pinjaman, penggunaan amaun pinjaman tersebut pada masa penurunan nilai mata wang perlu dipastikan dan bukannya tujuan pinjaman itu telah diperolehi.

Niat asal pinjaman mata wang asing mungkin untuk pemerolehan aset tetap dan pinjaman digunakan untuk pemerolehan aset tersebut. Walau bagaimanapun, pada masa penurunan nilai mata wang asing, sifat aset tetap itu mungkin telah berubah dan dianggap sebagai bersifat baharu stok perdagangan atau bersifat hasil. Oleh itu, kerugian tukaran mata wang asing akibat penurunan nilai mata wang asing akan menjadi kerugian hasil dan bukannya kerugian modal.

Contoh 12

HH Sdn Bhd menjalankan perniagaan penjualan tanah di Malaysia dan mendepositkan sebahagian daripada hasil jualan tanah ke dalam sebuah bank di New Zealand. Syarikat mengalami kerugian tukaran apabila nilai dolar New Zealand menurun.

Kerugian tukaran tidak boleh dibenarkan potongan kerana penurunan nilai mata wang hanya mengakibatkan kerugian di atas kertas. Syarikat tidak mengalami kehilangan sebenar wang tunai atau sebarang kerugian ke atas tukaran asing kerana tiada hutang asing yang hendaklah diselesaikan.

6. Penafian

Contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

KU ini perlu dibaca bersama-sama dengan “Guidelines on Tax Treatment Related to the Implementation of MFRS 121 (or Other Similar Standards) (Revised)” bertarikh 16.5.2019 yang boleh dimuat turun daripada Portal Rasmi LHDNM.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga hasil Dalam Negeri Malaysia.**